KEMUDAHAN

Kad komuter ringankan beban

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana memperkenalkan Kad Komuter 1Malaysia.

Kerajaan mengambil inisiatif yang bijak dengan memperkenalkan kad ini kepada golongan yang berpendapatan RM3,000 ke bawah yang menggunakan perkhidmatan KTMB.

Potongan harga tiket 50 peratus

Pengguna memperoleh potongan harga sebanyak 50 peratus bagi setiap harga tiket.

Kad ini boleh diperoleh di stesen KTMB terpilih. Pengguna hanya perlu menyediakan salinan kad pengenalan dan mengisi borang Kad Komuter 1Malaysia. Tempat untuk membuat salinan kad pengenalan juga disediakan bagi kemudahan orang ramai.

Sebagai pelajar universiti, saya mendapati pengenalan kad ini sangat berguna. Pelajar yang sering kali menggunakan perkhidmatan KTMB untuk pulang ke kampung kini dapat menjimatkan belanja.

Kad ini bukti keprihatinan kerajaan terhadap keperluan rakyat.

INFO

Kad Komuter

- **Pengguna memperoleh** potongan harga sebanyak 50 peratus bagi setiap harga tiket

Mohd Khairuddin Zakaria
Universiti Sains Islam Malaysia